

B B582 BAH
MAHATHIR - INTIP R R R

MACHANG, 31 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PAS MENGHANTAR SEORANG PENGINTIP UNTUK MENGGAGALKAN MUZAKARAH ANTARA BEBERAPA ORANG PEMIMPIN UMNO DAN PARTI ITU AWAL TAHUN INI.

BENDAHARI AGUNG PAS, SYED IBRAHIM MENJADI PENGINTIP PADA MUZAKARAH ITU YANG BERLANGSUNG DI SRI PERDANA, KEDIAMAN PERDANA MENTERI DI KUALA LUMPUR KERANA BELIAU TIDAK DISENARAIKAN UNTUK MENYERTAINYA, KATA BELIAU.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PROJEK MENGETAR TIGA BATANG JALAN LUAR BANDAR BERTARAF HAMPİR \$1 JUTA DI KAMPUNG KUINTA, DI SINI DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELEPAS MUZAKARAH ITU, PRESIDEN PAS HAJI YUSUF RAWA TELAH DILARANG DARIPADA BERBINCANG LAGI DENGANNYA (DATUK SERI DR MAHATHIR).

SELAIN DARIPADA SYED IBRAHIM, WAKIL PAS PADA MUZAKARAH ITU IALAH HAJI YUSUF DAN TIMBALAN PRESIDEN PARTI, HAJI FADZIL NOR MANAKALA UMNO DIWAKILI OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR SENDIRI DAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA, ENCIK ANWAR IBRAHIM.

KATANYA SYED IBRAHIM MENJADI PENGINTIP PADA MUZAKARAH ITU KERANA PAS TIDAK MEMPERCAYAI HAJI YUSUF DAN HAJI FADZIL. -- LAGI.
2118MST 31 07 86

B B583 BAH
MAHATHIR - INTIP 2 MACHANG R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MUZAKARAH ITU SEMATA-MATA BAGI KEPENTINGAN MASYARAKAT ISLAM TETAPI MALANGNYA TELAH DIGAGALKAN OLEH PAS SENDIRI.

PAS KINI ENGGAN BERMUZAKARAH DENGAN UMNO, YANG SAMA-SAMA PARTI ISLAM, TETAPI LEBIH SUKA BERBINCANG DENGAN DAP YANG DIKETAHUI UMUM BUKAN PARTI BERASASKAN ISLAM.

DAP MENGANGGAP PAS SEBAGAI PARTI KESAYANGANNYA KERANA PARTI ITU SANGGUP BEKERJASAMA DENGANNYA DAN KERANA PAS MUDAH DIPERALATKAN BAGI KEPENTINGAN POLITIK DAP DI PULAU PINANG PADA PILIHAN RAYA UMUM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAJAK ANGGOTA PAS KELUAR DARI PARTI ITU SEBELUM TERLAMBAT. MEREKA DIPELAWA MENYERTA UMNO BAGI KESEJAHTERAAN MASYARAKAT MELAYU KESELURUHANNYA.

KETIKA BERUCAP DI KUALA KERAI KEMUDIAN, PERDANA MENTERI MENGINGATKAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI AGAR BERHATI-HATI TERHADAP GOLONGAN TERTENTU YANG MENGGELAR DIRI MEREKA SEBAGAI ULAMA WALAUPUN PENGETAHUAN MEREKA TENTANG AGAMA CETEK. -- LAGI.
2120MST 31 07 86

0701

B 8584 BAH
MAHATHIR - INTIP 3 MACHANG R W R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +ULAMA-ULAMA+ ITU BOLEH DIDAPATI DENGAN RAMAINYA MENJELANG PILIHAN RAYA UMUM INI DAN MEREKA TELAH MENGELUARKAN PELBAGAI FATWA YANG BERMAKSUD MEMECAH-BELAHKAN UMAT ISLAM BAGI KEPENTINGAN PARTI POLITIK TERTENTU.

BELIAU BERKATA BN PASTI MEMENANGI PILIHAN RAYA Hujung Minggu ini dan ini diakui sendiri oleh parti-parti lawan khususnya DAP.

PERDANA MENTERI TELAH MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL KUALA KERAI BERHARGA \$25 JUTA -- ATURCARA RASMI BELIAU YANG TERAKHIR SEMENA LAWATAN ENAM JAM KE NEGERI KELANTAN.

SEBELUM KE MACHANG DAN KUALA KERAI, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI DAN MENTERI BESAR DATUK MOHAMED YAACOB, MENEMUI PEMIMPIN DAN PEKERJA BN DAN MASYARAKAT CINA DI KOTA BAHARU DAN MERASMI BANGUNAN UMNO DI JELAWAT, BACHOK.

TERDAHULU, BELIAU TELAH MELETAK BATU ASAS SYARIKAT MENENUN SUTERA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN CHENDERING DI KUALA IBAI, KUALA TERENGGANU.

PERDANA MENTERI AKAN BERADA DI PERLIS DAN KEDAH MULAI ESOK SEHINGGA HARI PENGUNDIAN AHAD INI. -- BERNAMA.

2123MST 31 07 86